

Taburan hujan rendah jejas 7,400 pengguna air Pulau Pinang



GEORGETOWN: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) memaklumkan taburan hujan rendah di luar daripada kebiasaan menjejaskan bekalan air kepada kira-kira 7,400 pengguna di bahagian pulau, negeri itu.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, K Pathmanathan, berkata taburan hujan rendah di kawasan tadahan air (KTA) air terjun di Daerah Timur Laut dan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Pinang yang paling hampir dengan muka sauk Titi Kerawang Daerah Barat Daya (DBD) telah mengurangkan air daripada sumber air mentah 'tradisional' itu.

"Data hujan yang direkodkan di KTA Air Terjun, Pulau Pinang setakat Julai ialah 100.5 milimeter (mm) manakala LRA Sungai Pinang 54 mm dan hasilnya 'output' air terawat daripada LRA telah merosot kira-kira 42.9 peratus daripada 14 juta liter sehari (JLH) kepada 8 juta liter JLH.

"Pengeluaran air terawat daripada LRA Sungai Pinang juga telah menurun sebanyak 33.33 peratus daripada 7.2 juta liter JLH kepada 4.8 juta liter JLH.

"Akibatnya terdapat kekurangan air yang dibekalkan ke kawasan sekitar Georgetown, Air Itam, Lebuh raya Thean Teik, Tanjung Bungah, Mount Erskine, Balik Pulau, Pulau Betong dan Bayan Lepas," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Pathmanathan berkata, dalam keadaan biasa, PBAPP akan menampung kekurangan itu dengan menyalurkan air dari LRA lain ke kawasan terjejas namun berikutan fenomena El Nino, PBAPP turut perlu menangani isu berkaitan kapasiti efektif empangan rendah dan paras air Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang di Seberang Perai.

Beliau menjelaskan, paras sungai di muka sauk Lahar Tiang PBAPP menurun di bawah paras selamat 2.0 meter selama 15 hari berturut-turut sejak 11 Julai lalu dan PBAPP sedang melepaskan air dari rizab Empangan Mengkuang yang diperbesarkan (EMD) pada setiap hari untuk menyokong abstraksi air mentah dari Sungai Muda.

"Pada hari ini, kapasiti efektif EMD adalah 'sihat' iaitu pada 88.4 peratus dan faktor penyumbang kepada paras sungai yang rendah di Lahar Tiang ialah pengabstrakan air mentah untuk tujuan pengairan di hulu muka sauk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Bumbung Lima, dekat sini.

"PBAPP turut bekerjasama dengan Badan Kawal Selia Air (BKSA) dan JPS untuk meminimumkan pengabstrakan pengairan supaya tidak menjejaskan operasi bekalan air di Pulau Pinang," katanya.

Beliau menjelaskan, PBAPP kini sedang melaksanakan Fasa 1 Pelan Pengurusan Krisisnya untuk memastikan bekalan air mencukupi sehingga September kerana pada bulan itu biasanya menandakan permulaan musim hujan di Pulau Pinang dan Wilayah Utara.

Katanya, tindakan yang sedang dijalankan termasuk mengoptimumkan pengeluaran air di LRA Batu Ferringhi dan LRA Guillemard tanpa terlalu menjejaskan kapasiti berkesan Empangan Teluk Bahang bagi membolehkan PBAPP mengagihkan sebanyak mungkin air terawat ke kawasan perkhidmatan air terjun dan LRA Sungai Pinang.

"PBAPP turut meningkatkan pengeluaran air terawat di LRA Air Itam tanpa menjejaskan kapasiti efektif Empangan Air Itam dengan tindakan ini akan mengurangkan kebergantungan Air Itam kepada air terawat dari Sungai Dua yang kemudiannya boleh dialihkan ke kawasan perkhidmatan pinggir LRA air terjun.

"Pihak kami juga akan menghantar lori tangki air dan tangki air statik ke kawasan yang terjejas untuk menyediakan air semasa tempoh permintaan tinggi," katanya.

Beliau berkata, PBAAP turut akan mengawal injap dan operasi mengepam pada waktu luar puncak hujung minggu untuk mengoptimumkan pengisian semula tiga kolam air utama di Bukit Dumbur, Bukit Gedung dan Teluk Kumbar dalam usaha mengekalkan bekalan air berterusan di DBD pada waktu puncak serta hari bekerja terutama apabila permintaan air tinggi di kawasan industri.

Menurutnya, PBAPP juga akan berkomunikasi dengan BKSA untuk memohon operasi pembersihan awan dijalankan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

"Senario bekalan air sekarang menyebabkan beberapa isu bekalan air sementara di Pulau Pinang dengan pelaksanaan pelan pengurusan krisis ini mungkin mengakibatkan beberapa kesulitan tambahan.

"PBAPP memohon pengertian, kesabaran dan sokongan pengguna sehingga hujan tiba pada bulan September dan kami memohon maaf atas segala kesulitan tetapi kami perlu mengambil tindakan untuk mengelakkan krisis air di Pulau Pinang," katanya.